

DH 27/08/19 MS 8  
Pengurangan ketara  
kadar tol

## Tawaran Maju Holdings 'kelihatan menarik'

**Kuala Lumpur:** Tawaran Maju Holdings Sdn Bhd untuk mengambil alih PLUS Malaysia Bhd 'kelihatan menarik' membabitkan pengurangan ketara kadar tol, menurut Kementerian Kerja Raya.

Kementerian itu dalam satu kenyataan, semalam, berkata bagaimanapun kerajaan akan dapat mempertimbangkan secara serius semua cadangan berhubung pengambilalihan lebuh raya bertol di negara ini, termasuk tawaran Maju Holdings-PLUS, hanya selepas Kabinet membuat keputusan.

"Menteri (Baru Bian) ingin menyatakan bahawa kementerian sudah menerima cadangan daripada Maju Holdings dan masih dalam proses menilai merit serta daya majunya.

"Kementerian akan membentangkan dalam Kabinet 'Langkah ke Hadapan bagi Jalan Raya Bertol di Malaysia' pada awal bulan depan, berdasarkan laporan akhir yang disediakan perunding bebas pada Januari 2019.

"Hanya selepas keputusan Kabinet dibuat, kerajaan akan dapat mempertimbang secara serius semua cadangan mengenai pengambilalihan lebuh raya bertol di negara ini, termasuk tawaran Maju Holdings-PLUS," menurut kenyataan itu. **BERNAMA**